

Factsheet ORG06





WWC Check (Pemeriksaan Bekerja dengan Kanak-kanak)



Sektor kesihatan

Malay | Bahasa Melayu

Berikut ialah senarai **kategori [kerja berkenaan kanak-kanak](#)** yang mungkin berkaitan dengan sektor kesihatan, untuk orang yang ada peranan melibatkan, atau kemungkinan melibatkan, '**kontak**' dengan kanak-kanak dalam **tugas biasa** mereka.

Jadual ini hanya sebagai panduan dan tidak semestinya lengkap. Jadual ini tidak termasuk semua keadaan atau jenis. Contoh-contoh yang diberikan juga mungkin ada [exemption](#).

Kategori mungkin termasuk:	Peranan mungkin termasuk:
 <p>3. Institusi pendidikan untuk kanak-kanak</p>	<ul style="list-style-type: none">pekerja kesihatan di sekolah, termasuk jururawat dan doktor gigi
 <p>5. Aturan tempat tinggal atau penjagaan kanak-kanak</p>	<ul style="list-style-type: none">kakitangan yang menyediakan perkhidmatan rehat 'di luar rumah' atau penjagaan kediamankakitangan yang menyediakan perkhidmatan penjagaan rehat 'di rumah' untuk kanak-kanak kurang upaya
 <p>9. Community child health service (pusat kesihatan kanak-kanak komuniti)</p>	<ul style="list-style-type: none">kakitangan dan sukarelawan yang ada kontak dengan pesakit di pusat kesihatan kanak-kanak komunitikakitangan dan sukarelawan bukan wad yang ada kontak dengan pesakit di Perth Children's Hospital
 <p>10. Khidmat kaunseling atau khidmat sokongan yang lain</p>	<ul style="list-style-type: none">orang yang memberi kaunseling atau khidmat sokongan lain untuk kanak-kanak, termasuk melalui telefon atau aplikasi weborang yang memberi kaunseling dan sokongan untuk kanak-kanak yang menghidap penyakit, misalnya kanser, diabetes

Kategori mungkin termasuk:	Peranan mungkin termasuk:
 <p>13. Wad di hospital kerajaan atau swasta</p>	<ul style="list-style-type: none"> • atendan kesihatan di pusat perkhidmatan kesihatan luar bandar • orang yang bekerja dan menjadi sukarelawan di wad Perth Children's Hospital • kakitangan dan sukarelawan di wad yang biasanya ada pesakit kanak-kanak berumur enam belas dan tujuh belas tahun • pelajar yang menamatkan penempatan kerja (latihan amali yang diwajibkan) di hospital dan bekerja di wad yang biasanya ada pesakit kanak-kanak
 <p>16. Khidmat pengangkutan khas untuk kanak-kanak</p>	<ul style="list-style-type: none"> • orang yang khas mengangkut kanak-kanak untuk pusat penjagaan kesihatan

Contoh orang yang tidak melakukan kerja berkenaan kanak-kanak dalam sektor kesihatan dan oleh itu tidak dikehendaki ada Working with Children (WWC) Check

Peranan mungkin termasuk:	Mengapa WWC Check tidak dikehendaki
Doktor umum atau pakar pediatrik yang bekerja dalam perkhidmatan persendirian sahaja.	Tiada kategori kerja berkenaan kanak-kanak.
Kakitangan hospital yang memeriksa data sulit kanak-kanak tetapi tidak ada peranan melibatkan kanak-kanak.	Tidak ada kontak dengan kanak-kanak.
Orang yang diupah untuk khidmat penyelenggaraan atau menghantar barang ke hospital atau pusat kesihatan kanak-kanak komuniti.	Kontak dengan kanak-kanak hanyalah sampingan dan bukan tugas biasa.

Kakitangan di jabatan kecemasan, adakah mereka perlukan WWC Check?

Ya, jabatan kecemasan biasanya ada pesakit kanak-kanak dan dianggap wad. Oleh itu jabatan kecemasan termasuk dalam **kategori 13**. Sesiapa sahaja yang tugas biasanya melibatkan kontak dengan kanak-kanak dikehendaki ada WWC Check, kecuali diberikan exemption.

Jika pihak yang mengaturkan penempatan kerja sudah tandatangan borang Permohonan WWC Check untuk pelajar latihan amali, adakah hospital atau pusat kesihatan kanak-kanak komuniti masih ada kewajipan di sisi undang-undang?

Ya, apabila pelajar latihan amali diberikan kerja berkenaan kanak-kanak, pusat kesihatan menjadi majikan dan mesti pastikan pelajar itu ada Kad WWC yang sah. Perkara ini boleh diperiksa di [laman web kami](#).

Organisasi juga dinasihatkan supaya [mendaftarkan](#) pelajar itu sebagai orang yang bekerja untuk mereka, supaya mereka dimaklumkan jika ada **Negative Notice** atau **Interim Negative Notice**.

Hospital kami menggunakan agensi untuk mengisi jawatan jururawat. Adakah mereka bertanggungjawab untuk pastikan kakitangan ada WWC Check yang dikehendaki?

Jika agensi itu majikan mereka, maka ya, agensi bertanggungjawab tentang WWC Check. Namun, hospital masih ada kewajipan untuk pastikan pekerja yang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak ada Kad WWC yang berkuat kuasa dan sah.

Jika mendapat tahu jururawat yang datang daripada agensi itu diberikan Negative Notice atau Interim Negative Notice, organisasi anda patut ada prosedur untuk pastikan jururawat itu dikeluarkan daripada kerja berkenaan kanak-kanak dengan segera.

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di www.workingwithchildren.wa.gov.au